



HARGA ikan melonjak sejak awal November ini ekoran laut bergelora dan cuaca tidak menentu akibat peralihan monsun timur laut.

Laut gelora punca harga ikan naik 15 peratus

Mingguan Malaysia 13/11/2022 Ms : 38

PERBEZAAN HARGA IKAN (KG) PADA OKTOBER DAN NOVEMBER 2022

JENIS-JENIS IKAN	OKTOBER	NOVEMBER
Kembung	RM13.70	RM14.04
Cencaru	RM9.93	RM10.46
Selayang	RM10.46	RM10.34
Selar Kuning	RM10.76	RM11.71
Keli	RM8.94	RM9.57
Kerisi	RM13.06	RM13.66
Pelaling	RM12.13	RM11.48

Oleh NUR ADRIANA
MOHD. AZMAN
utusannews@mediamulia.com.my

PETALING JAYA: Harga ikan rakyat melonjak sehingga 15 peratus sejak awal bulan ini ekoran laut bergelora dan cuaca tidak menentu ketika ini akibat daripada fasa peralihan monsun timur laut.

Pengerusi Persatuan Nelayan Kebangsaan (Nekmat), Abdul Hamid Bahari berkata, walaupun nelayan masih turun ke laut, hasil yang diperoleh tidak begitu banyak seperti dahulu sekali gus menyebabkan bekalan berkurangan dan berlaku peningkatan harga.

Tinjauan wartawan Mingguan Malaysia mendapati, harga ikan kembung di Lembah Klang kini dijual antara RM22 sehingga RM24 sekilogram berbanding RM20 sekilogram sebelumnya ini ekoran kekurangan bekalan ikan tersebut.

Harga itu hampir sama dengan senarai harga ikan di laman web Price Catcher Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDN-HEP) yang menunjukkan harga kembong RM22 sekilogram.

Seorang peniaga ikan di Pasar Kajang yang mahu dikenali se-

bagai Kaylee berkata, kenaikan harga itu terutamanya ikan kembung dan sardin adalah kerana keadaan cuaca yang tidak menentu yang menyebabkan stok bekalan ikan berkurangan.

"Harga ikan dan hasil laut lain sentiasa berubah-ubah dari semasa ke semasa terutamanya ketika musim cuaca yang tidak menentu dan selalunya ikan seperti kembung biasanya dijual dengan harga RM20 sekilogram, tetapi jika bekalan berkurang, harganya dinaikkan sedikit."

"Stok ikan yang saya peroleh pun tidak stabil, sekejap ada, sekejap tiada. Saya terpaksa meningkatkan harga antara RM2 hingga RM3 sekilogram kerana bekalan yang saya dapat pun dengan harga yang tinggi," katanya.

Dalam pada itu, Ketua Aktivis Persatuan Pengguna Islam Malaysia (PPIM), Datuk Nadzim

Ikan seperti selayang dan selar juga menunjukkan peningkatan harga apabila masing-masing dijual dengan harga RM18 dan RM14 sekilogram menerusi tinjauan di Price Catcher.

Sementara itu, seorang pengguna, Rokiah Idris berkata, walaupun ada peningkatan pada harga ikan, harganya masih manusahab dan masih bergantung pada saiz ikan.

"Tidak dinafikan, peningkatan harga ikan ini memberi kesan dan membebankan kepada pengguna, tetapi kami tiada pilihan dan terpaksa beli juga walaupun harganya mahal," katanya.

Namun katanya, pengguna mempunyai pilihan membeli ikan sejuk beku yang dijual dengan harga agak murah seperti ikan cencaru, selar dan kembung yang harganya sama sepanjang masa.

Johan pula percaya kenaikan harga disebabkan sesetengah pihak tidak bertanggungjawab yang menyimpan bekalan ikan untuk menjualnya kembali dengan harga yang mahal.

Katanya, kerajaan perlu mengambil tindakan dan pemantauan yang lebih cekap dalam perkara ini dengan menguatkuasakan undang-undang supaya perkara ini tidak berulang lagi.

Jelasnya, pengguna juga haruslah menjadi seorang yang bijak dalam membeli dan elak membeli barang yang terkesan dengan kenaikan harga kerana jika tetap meneruskan pembelian, hanya peniaga yang akan mendapat keuntungan.

Sementara itu, Abdul Hamid menambah, terdapat kemungkinan hasil ikan segar yang dibawa ke darat dan pasar-pasar di bandar harganya meningkat daripada hanya RM10 sekilogram dan dijual RM20 sekilogram disebabkan oleh kos pengangkutan yang semakin mahal.

Namun katanya, pengguna mempunyai pilihan membeli ikan sejuk beku yang dijual dengan harga agak murah seperti ikan cencaru, selar dan kembung yang harganya sama sepanjang masa.